

# Transformasi Tadbir Urus Wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)

## *Transformation of Waqf Governance by Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPs)*

Marina Abu Bakar<sup>1</sup>, Shofian Ahmad<sup>2</sup>, Ahmad Dahlan Salleh<sup>3</sup>, Mohd Fairuz Md Salleh<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Pelajar Doktor Falsafah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Malaysia & Pensyarah, Kulliyah Syariah & Undang-Undang, UniSHAMS, Kuala Ketil, Malaysia;

<sup>2,3</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Malaysia;

<sup>4</sup>Pusat Pembangunan Inklusif dan Lestari, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM, Bangi, Malaysia;

### Article progress

Accepted: 20 April 2020

Reviewed: 20 Mei 2020

Published: 31 Mei 2020

### \*Corresponding author:

Marina Abu Bakar,

Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

International Islamic University

(UniSHAMS),

Kedah, Malaysia;

Email: marinaabubakar@unishams.edu.my

**Abstrak:** Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat, ada masa yang sama mengekalkan sumber fizikalnya untuk kebajikan dengan niat mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT. Di Malaysia, wakaf ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di negeri masing-masing. Namun, dewasa ini wakaf sering dikaitkan dengan masalah tadbir urus rentetan daripada kelompongan yang terdapat dalam tadbir urus institusi wakaf itu sendiri. Seiring dengan kebangkitan institusi wakaf mutakhir ini, maka panggilan ke arah pengamalan tadbir urus yang baik dan amalan terbaik wakaf semakin terserlah. Ini kerana amalan terbaik tadbir urus yang baik perlu diadaptasi oleh MAIN lantaran ia merupakan antara faktor kejayaan yang bersifat kritikal untuk menghidupkan semula institusi wakaf di Malaysia. Artikel ini bertujuan membincangkan transformasi tadbir urus Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) selaku institusi yang menguruskan wakaf di negeri Perlis. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan reka bentuk kajian kes. Dalam menganalisa data kajian, penulis menggunakan kaedah analisis kandungan. Data kajian dikumpul melalui dokumen dan temu bual separa struktur bersama pegawai-pegawai wakaf di MAIPs. Hasil kajian menunjukkan bahawa MAIPs telah melalui beberapa fasa transformasi tadbir urus yang positif dalam menguruskan wakaf di Perlis. Kejayaan tadbir urus yang diimplementasikan oleh MAIPs merupakan bukti bahawa MAIPs bersikap proaktif dalam mengurus dan mentadbir wakaf di negeri Perlis. Implikasi kajian ini dapat membantu pembuat dasar, pentadbir dan pengurus institusi wakaf untuk menambahbaik sistem tadbir urus yang sedia ada agar wakaf dapat dimartabatkan dan dimanfaatkan untuk umat Islam di Malaysia secara keseluruhannya.

**Kata kunci:** Tadbir Urus; Wakaf; Transformasi; Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

**Abstract:** Waqf is any property that the donor retains right over the property from any sale, inheritance, grant and will, at the same time retaining his physical source for welfare with the intention of bringing the donor closer to Allah SWT. In Malaysia, waqf is governed by the State Islamic Religious Council (SIRC) in their respective states. However recently, these waqf are often associated with stringent governance problems resulting from the gaps inherent in the governance of the waqf

institution itself. With the rise of the modern waqf institution, the call for good governance practices and the best practices of waqf is growing. This is because good governance practices need to be adapted by SIRC as it is one of the critical success factors for revitalizing the waqf institution in Malaysia. This article is intended to discuss the governance transformation of the Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPs) as the institution that administers waqf in the state of Perlis. This study is a qualitative study with case study designation. In analyzing the research data, the authors use the content analysis method. The data were collected through documents and semi-structured interviews with MAIPs officers. The result shows that MAIPs has gone through several phases of positive governance transformation in managing waqf in Perlis. The success of the governance implemented by MAIPs is a proof that MAIPs is proactive in managing and administering wakaf in Perlis. The implication of this study is to help policy makers, administrators and managers of the waqf institution to improve the existing governance system so that waqf can be fully utilized for Muslims in Malaysia.

**Keywords:** Governance; Waqf; Transformation; Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPs).

## Pendahuluan

Wakaf merupakan suatu amalan pemberian harta selain zakat, sedekah, wasiat, hibah, infak dan sebagainya. Di Malaysia, wakaf telah dikenali di kalangan masyarakat Islam sebelum tahun 1950-an lagi, iaitu seiring dengan kedatangan Islam ke rantau ini. Ketika itu, tanah telah diwakafkan untuk pembinaan surau dan masjid, rumah anak yatim, tempat pengajian dan tanah perkuburan. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal ini, harta wakaf diserahkan kepada pemimpin masyarakat iaitu imam, guru agama dan orang yang terkenal untuk mentadbir dan menguruskan harta yang diwakafkan (Md Nor, S.Z., 2008).

Pentadbiran dan pengurusan wakaf adalah di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN). Setiap negeri mentadbir berdasarkan Enakmen Negeri masing-masing seperti mana diperuntukkan di dalam Perlembagaan Malaysia. MAIN bertindak sebagai nazir atau penjaga kepada setiap harta wakaf yang didaftarkan di bawah Majlis termasuklah di negeri Perlis. Justeru, harta wakaf perlu diselia dan dibangunkan bagi memenuhi niat pewakaf untuk mendapat ganjaran pahala yang berpanjangan hasil daripada manfaat yang diterima atas pemberian yang telah dilakukannya. Harta wakaf merupakan suatu amanah yang seharusnya dipertanggungjawabkan oleh pemegangnya, terutamanya dalam memastikan tujuan dan hasrat asal pewakaf tercapai (Ahmi, A., Mohd Nasir, M. H. &

Mohd Sharif, M. H., 2005). Tadbir urus yang baik sangat penting dalam memastikan setiap pihak yang terlibat melaksanakan tanggungjawabnya secara telus, berkauntabiliti dan berhebat. Pengurusan dan pentadbiran wakaf yang berkesan dapat membangunkan aspek sosio ekonomi ummah Islam.

## Konsep Wakaf dalam Islam

Perkataan waqf dalam Bahasa Arab berasal daripada waqafa yang bermaksud menahan sesuatu. Menahan sesuatu yang dimaksudkan di sini ialah menahan sesuatu harta semata-mata kerana Allah untuk kepentingan umum (Al-Ansari, J. M., t.t). Terdapat pelbagai definisi wakaf yang telah diutarakan oleh para fuqaha' seperti al-Qurtubi, al-Sharbini dan Ibn Abidin. Imam al-Qurtubi mengatakan bahawa wakaf ialah mengeluarkan harta dan manfaat yang dimiliki ke jalan yang diredhai Allah untuk menghampirkan diri kepada Allah (Al-Qurtubi, Y.A., 1980). Al-Sharbini berpendapat wakaf ialah menahan sesuatu harta atau barangan yang boleh dimanfaatkan dengan syarat kekal fizikalnya mengikut syarat-syarat yang dibenarkan oleh syarak (Al-Sharbini, M.A., 1933). Manakala Ibn Abidin menjelaskan wakaf sebagai menahan sesuatu harta di atas ketentuan pemiliknya dan digunakan untuk manfaat umum (Ibn Abidin, M.A., 1966). Dari definisi-definisi wakaf yang telah disebutkan, dapat disimpulkan bahawa harta wakaf dalam Islam mestilah mempunyai tujuh ciri-ciri khusus iaitu; harta yang hendak diwakafkan mestilah jelas pemilikannya, boleh memberi manfaat atau

faedah, bukan dari jenis yang diharamkan oleh syarak, bersifat kekal fizikalnya, tidak boleh digunakan selain daripada apa yang disyaratkan, bagi wakaf yang tidak disebut penggunaannya maka ia boleh digunakan sesuai dengan kehendak syarak dan hasil daripada harta wakaf boleh digunakan untuk faedah umum atau khusus. Wakaf juga merupakan ibadat sunat yang sangat digalakkan oleh Islam.

Rukun wakaf terbahagi kepada empat, iaitu; pewakaf, harta wakaf, penerima wakaf dan ijab dan qabul (sighah) (Al-Khin, M., et al, 2003). Para fuqaha' telah membahagikan wakaf kepada tiga jenis utama, iaitu; dari sudut penerimaan, tujuan dan waktu. Dari sudut penerimaan, wakaf dapat dibahagikan kepada dua; wakaf khas dan wakaf am (Al-Zuhayli, W., 2009). Wakaf khas ialah wakaf yang telah ditentukan secara jelas penerimanya, iaitu sama ada kepada seseorang individu, kumpulan atau institusi tertentu. Wakaf jenis ini menyebabkan harta yang diwakafkan menjadi milik penerima wakaf tersebut, dan hanya mereka sahaja yang berhak mengurus, menggunakan dan mendapat faedah daripadanya. Wakaf am ialah wakaf yang tidak ditentukan secara jelas penerimanya, tetapi bersifat umum untuk kebajikan ummah. Wakaf jenis ini tidak memerlukan unsur penerimaan dalam syarak, sebaliknya akan terus menjadi milik Allah. Wakaf ini juga diuruskan oleh Sultan atau pemerintah sementara manfaatnya disalurkan kepada kebajikan secara umum. Dari sudut tujuan, wakaf dapat dibahagikan kepada tiga; iaitu wakaf kebajikan, wakaf keluarga dan wakaf sekutu (Abu Zahrah, M., 1971). Wakaf kebajikan ialah wakaf yang dilakukan kerana Allah dan kebajikan sesama manusia. Wakaf keluarga ialah wakaf yang ditujukan khas kepada diri sendiri dan kaum keluarga sahaja. Manakala wakaf sekutu ialah wakaf yang bergandingan antara wakaf kebajikan dan wakaf keluarga. Contohnya, Azman sebagai pewakaf, mewakafkan hartanya kepada kebajikan dengan jumlah RM 1,000.00 dan bakinya pula diwakafkan kepada ahli keluarganya. Dari sudut waktu, wakaf terbahagi kepada dua jenis; wakaf sementara dan wakaf kekal (Abu Zahrah, M., 1971). Wakaf sementara ialah wakaf yang dibatasi oleh masa seperti selama dua tahun. Selepas daripada tempoh ini, harta ini tidak lagi berstatus wakaf. Wakaf kekal ialah wakaf yang dibuat secara berkekalan tanpa dibatasi oleh masa, yang mana ia boleh diklasifikasikan sebagai sedekah jariah yang akan mengalir pahala kepada pewakaf secara berkekalan sehinggalah harta yang diwakafkan itu musnah atau tidak boleh digunakan lagi.

Dari segi pemilikan harta wakaf, para fuqaha'

terbahagi kepada dua golongan. Golongan pertama, iaitu fuqaha' mazhab Hanafi dan Maliki, berpandangan bahawa harta wakaf tetap menjadi milik pewakaf. Wakaf menurut mereka disamakan dengan pinjaman, dan bukannya pemberian atau hadiah. Oleh itu, penerima wakaf hanya memperolehi manfaat sahaja semata-mata. Mereka turut berpandangan bahawa pewakaf ialah orang yang paling layak menjadi pengurus wakaf dan tugas-tugas pengurusan tidak seharusnya diberikan kepada orang lain. Pandangan golongan kedua pula adalah berbeza dengan pandangan golongan pertama. Golongan kedua dipelopori oleh fuqaha' mazhab Syafi'e dan Hambali. Mereka mengatakan bahawa harta wakaf berpindah milik kepada penerima wakaf. Wakaf menurut mereka adalah pemindahan milik dari pewakaf kepada penerima wakaf. Perkara ini adalah bersamaan dengan hadiah atau hibah, di mana pewakaf tidak lagi mempunyai kuasa di atas harta yang telah diwakafkan kepada penerima wakaf. Walau bagaimanapun, ke semua fuqaha' mazhab bersepakat mengatakan bahawa semua harta wakaf tidak boleh dijual, dihibah, diberikan kepada orang lain atau diwarisi selagi mana harta tersebut masih berstatus wakaf.

Berdasarkan konsep wakaf dalam Islam ini, dapat difahami bahawa harta wakaf sama ada am atau khas, adalah milik Allah secara mutlak. Mengikut prinsip ini, harta wakaf tidak boleh dijual, dibeli, dijadikan hadiah atau pusaka sama ada oleh pewakaf atau pun penerima wakaf atau benefisiari. Oleh itu, penggunaan harta wakaf ini diserahkan kepada penerima wakaf dan diuruskan mengikut kehendak pewakaf.

## **Pelaksanaan Wakaf di Malaysia**

Wakaf termasuk dalam hal-ehwal agama Islam yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Peruntukan mengenai wakaf terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN) dan sehingga tahun 2019, hanya lima buah negeri di Malaysia ini sahaja yang mempunyai Enakmen Khas Wakaf iaitu Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Terengganu. Ke semua peruntukan dalam EPAIN dan Enakmen Khas Wakaf secara terang menyebut bahawa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah pemegang tunggal bagi semua jenis harta wakaf. Ini bermaksud bahawa pihak lain tidak dibenarkan mengendalikan pengurusan wakaf. Antara peruntukan-peruntukan yang termaktub berkaitan wakaf ialah mengenai MAIN sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf, pembahagian harta

wakaf kepada wakaf khas dan wakaf am, manfaat bagi wakaf khas adalah untuk memenuhi tujuan wakaf khas sahaja, manfaat wakaf am boleh digunakan untuk tujuan yang tidak bercanggah syarak, semua harta yang hendak diwakafkan mestilah bersifat kekal, bermanfaat di sisi syarak dan tidak boleh dibatalkan, pewakafan harta hendaklah bersifat kekal, tujuan wakaf mestilah terhadap perkara-perkara yang diharuskan, larangan berwakaf melebihi 1/3 daripada harta yang dimiliki dan rekod tentang harta wakaf hendaklah disimpan oleh MAIN (Sayin, B., Ali, A & Suyurno, S. S., 2006).

Dalam menguruskan wakaf, MAIN berfungsi untuk mengurus semua permohonan wakaf yang dibuat oleh individu atau organisasi yang meliputi wakaf khas dan am, merekod dan mendaftar semua jenis harta wakaf, mengawal selia semua jenis harta wakaf serta memaju dan membangun harta-harta wakaf terutamanya harta wakaf dalam kategori am. Dari segi amalan pula, terdapat pelbagai bentuk wakaf yang dilaksanakan di Malaysia seperti wakaf hartanah, wakaf tunai, wakaf saham, saham wakaf, wakaf kaki, pelan takaful wakaf dan sebagainya.

## Sejarah dan Transformasi MAIPs

Mengikut sejarah, pentadbiran agama Islam di Perlis telah bermula zaman pentadbiran Raja Syed Hussin Jamalullail, iaitu sekitar tahun 1843 hingga 1873 (Majlis Agama Perlis 810, t.t). Sebelum tahun 1920 pula, undang-undang Islam di Perlis diletakkan di bawah pentadbiran Kadi Besar. Kadi Besar ini turut memainkan peranan sebagai hakim, mufti dan juga penasihat raja di istana. Kadi Besar Perlis yang pertama ialah Tuan Syed Abdullah al-Hadad. Seterusnya, Tuan Haji Muhammad Haji Abdul Latif dilantik sebagai Kadi Besar Perlis kedua, manakala Kadi Besar Perlis yang ketiga pula ialah Tuan Haji Muhammad Noor Haji Muhammad iaitu anak lelaki kepada tuan Kadi Besar yang pertama.

Pada tahun 1920, Undang-undang Mahkamah Syariah (Shariah Court Enactment 1920) telah digubal dan diluluskan dalam persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis. Penggubalan undang-undang ini merupakan asas kepada penubuhan Majlis Agama Islam sebagai sebuah institusi yang mentadbir dan mengurus hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu. MAIPs pada zaman Raja Syed Alwi Jamalullail (1905-1943) ini bukanlah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan, sebaliknya berperanan sebagai urusetia. Pada peringkat awal penubuhan, MAIPs menyelia kes syariah dan baitulmal dan mentadbir perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam

di Perlis (Mohd Noor, M. N & Hassan, H., 2018).

Kemudiannya pada tahun 1930, Shariah Courts (Amendment) Enactment 1930 telah digubal semula hasil dari persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis bagi melancarkan tadbir urus perundangan agama Islam di Perlis dan proses pengajaran dan penyampaian ilmu agama di Perlis oleh guru-guru yang bertauliah kerana hanya kitab yang diperkenankan oleh Raja Syed Alwi Jamalullail sahaja yang boleh diajar di Perlis. Pada peringkat awal juga, peranan MAIPs adalah lebih terfokus kepada pengurusan dakwah, perundangan Islam, fatwa dan pendidikan. Majlis melantik Jawatankuasa Perusahaan untuk menguruskan kutipan zakat di Perlis. Rentetan daripada ketiadaan sistem pengurusan zakat yang sistematik, timbul keraguan terhadap cara wang zakat dikumpul dan disalurkan kepada asnaf. Sheikh Ahmad Mohd. Hashim, selaku Menteri Besar Perlis yang keempat pada ketika itu bersama mufti telah mengadap Raja Syed Alwi Jamalullail untuk menyampaikan cadangan mewujudkan sebuah badan kerajaan khas yang akan mengumpul dan mengagihkan zakat dengan lebih sistematik. Pada 18 November 1932, Raja Syed Alwi Jamalullail telah mengisytiharkan kaedah kutipan zakat sebagai mana dalam Undang-undang No. 3 (1932). Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis telah mengeluarkan Peraturan Mengutip Zakat dan Fitrah Perlis Tahun 1932. Penguatkuasaan undang-undang ini telah memberi satu dimensi baru kepada kaedah kutipan zakat yang dilakukan di seluruh Perlis, iaitu sistem pengurusan dan pengutipan yang berpusat dan dipantau oleh sebuah jawatankuasa kerja yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perusahaan. (JAIPs, 1932).

Setelah 29 tahun, suatu undang-undang khas telah digubal untuk mengukuhkan lagi kedudukan MAIPs. Mengikut Fasal 6 Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948 bahagian pertama, DYMM Tuanku Raja Perlis hendaklah menggubal satu undang-undang khusus berkaitan pentadbiran agama Islam negeri dan menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu yang akan berperanan sebagai sebuah badan penasihat baginda dalam urusan agama dan adat istiadat Melayu (Kerajaan Negeri Perlis, 1948). Peraturan ini digelar sebagai Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Enakmen No.1/1949. Pada 27 Disember 1949, DYMM Tuanku Syed Putra Jamalullail telah memperakui sah undang-undang khas ini, setelah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis pada 8 Disember 1949. Undang-undang penubuhan MAIPs ini mengandungi 17 fasal iaitu

definisi Majlis, lantikan ahli anggota Majlis, lantikan Yang Dipertua, bidang kuasa Majlis dan Pindaan Enakmen Mahkamah Syariah. Selain itu, keanggotaan Majlis pula terdiri daripada Yang Dipertua, Mufti, Setiausaha Majlis dan tidak kurang daripada 6 orang ahli Jawatankuasa yang mana ke semuanya mestilah beragama Islam, bermanhaj Ahli Sunnah Wal Jemaah dan dilantik setiap 3 tahun sekali atas perkenan raja yang memerintah.

MAIPs berfungsi untuk menasihati DYMM Tuanku Raja Perlis dalam hal ehwal yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat Melayu dan menjalankan tugas-tugas lain seperti mana yang termaktub dalam Perkara 7, Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Tahun 1949:

“Maka hendaklah Majlis ini menolong dan menasihati pekerjaan dan Yang Maha Mulia Raja dan semua perkara yang berkenaan dengan ugama negeri ini dan adat istiadat Melayu dan menjalankan kuasa seperti yang diberikan kepada Majlis ini oleh undang-undang ini atau undang-undang lain”.

Pada tahun 1949 juga, setelah 17 tahun Peraturan Mengutip Zakat dan Fitrah 1932 digubal, Undang-undang Zakat dan Fitrah Tahun 1949 Enakmen No. 2/1949 telah dikanunkan. Selepas penggubalan Undang-undang Zakat dan Fitrah Tahun 1949 ini, berlaku peningkatan terhadap hasil pungutan zakat Perlis pada tahun 1959 hingga tahun 1960. Purata kutipan zakat pada ketika ini adalah sebanyak RM200,000 setahun dan MAIPs telah menggunakan hasil tersebut untuk memberikan bantuan kepada pelbagai golongan asnaf di Perlis.

Era 1960-an pula memperlihatkan perkembangan terhadap struktur organisasi MAIPs sebagai sebuah badan berkanun, apabila Undang-undang Pentadbiran Majlis Ugama Islam Tahun 1949 telah dibatalkan dan digantikan dengan Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perlis Bil. 3 Tahun 1964. Pada 27 Februari 1964, Dewan Undangan Negeri Perlis telah menggubal dan meluluskan undang-undang ini, yang bertujuan melancarkan urus tadbir berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu dan memberikan kuasa yang lebih luas kepada MAIPs untuk mentadbir urusan zakat yang sebelum ini telah diuruskan secara berasingan. Pindaan undang-undang ini juga telah menetapkan bidang kuasa MAIPs seperti mana dalam Bahagian II Perkara 4(1) hingga Perkara 8(2)(7) yang memperuntukkan peranan MAIPs sebagai penasihat Raja, pelantikan ahli Majlis, pengeluaran fatwa serta bidang kuasa MAIPs yang lain. Ini jelas dapat dilihat dalam Perkara 5(2) Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perlis

1964:

“Majlis hendaklah menasihati Raja Pemerintah dalam perkara yang bersangkutan dengan Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu dan nasihat itu hendaklah menurut hukum syarak atau mana-mana peraturan berkaitan adat-istiadat Melayu yang diakui dalam Perlis”.

Penggubalan semula undang-undang ini telah dipekenankan oleh Pemangku Raja Perlis, Yang Teramat Mulia Tengku Suleiman ibni Almarhum Tengku Bendahara Abu Bakar pada 27 Februari 1964. Ia mengandungi 16 Bahagian (Permulaan, Majlis, Lantikan, Mahkamah Kadi, Peraturan Am, Peraturan Jenayah, Peraturan Mal, Kewangan, Kira-kira, Pemungutan Khairat, Masjid-masjid, Perkahwinan dan Perceraian, Nafkah Orang-orang Tanggungan, Mualaf, Kesalahan-kesalahan dan Perkara Am). Seterusnya, satu pindaan kepada Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam No.3 telah diluluskan bagi meletakkan MAIPs sebagai sebuah badan yang berfungsi bagi membangunkan ekonomi umat Islam. Setahun selepas kelulusan tersebut, fungsinya telah dilaksanakan melalui peruntukan Undang-undang Negeri Perlis, Fasal 4, iaitu Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Bil. 3/1964. Implikasinya, pindaan ini telah mengangkat kedudukan MAIPs untuk bergerak dengan lebih efisien dalam merealisasikan agenda pembangunan sosio ekonomi umat Islam di Perlis.

*Struktur Pentadbiran MAIPs Tahun 1964*

Pada tahun 1964, penyusunan semula struktur pentadbiran MAIPs telah dilakukan. Objektif dan fungsi Majlis dan Jabatan telah disusun mengikut bahagian dan unit masing-masing. Fungsi dan peranan MAIPs dilihat lebih luas berbanding tahun 1949. Berikut adalah penyusunan semula objektif, strategi dan struktur pentadbiran MAIPs pada tahun 1964:

**Jadual 1. Objektif, Strategi dan Struktur Pentadbiran MAIPs pada tahun 1964.**

Perkara	Pernyataan
Objektif MAIPs	i. Untuk melahirkan sebuah masyarakat yang menjadikan Islam sebagai cara hidup sempurna yang mengikut dan menghayati ajaran Islam seperti yang terkandung dalam Al-Qur’an dan As-Sunnah yang meliputi aspek akidah, syariah, akhlak, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan. ii. Untuk menegakkan keadilan mengikut hukum Islam

	<p>dan mengawal atau membasmi murtad, bidaah dhalalah, kemungkaran, maksiat, khurafat dan fikiran yang menjejaskan kesucian Islam.</p>		<p>iii. Amar Makruf: Melaksanakan kegiatan kebajikan dunia dan akhirat menerusi pelajaran dan pendidikan agama, syarahan, dakwah, penerangan dan perkhidmatan kebajikan melalui Unit Dakwah, Kariah dan Ukhuwah.</p> <p>iv. Nahi Mungkar: Meliputi unit penguatkuasaan, penyiasatan dan pendakwaan yang berperanan dalam mengawal isu-isu seperti murtad, bidaah dhalalah, kemungkaran, maksiat, khurafat dan perkara yang menjejaskan kesucian Islam.</p> <p>v. Pentadbiran Undang-undang Syariah: Berperanan dalam mentadbir urusan pernikahan, penceraian dan rujuk, serta memberikan khidmat nasihat dan rundingan bagi masalah-masalah keluarga Islam.</p> <p>vi. Bahagian Penyelidikan: Menjalankan kajian dan penyelidikan bagi kegiatan-kegiatan kebajikan, pentadbiran syariah dan pelajaran.</p> <p>3. Baitulmal</p> <p>-Bertanggungjawab bagi merancang dan menguruskan zakat, harta pusaka, harta wakaf, hal wasiat, harta dan wang amanah, sedekah, simpanan, derma serta bantuan kepada mangsa bencana alam dan kecemasan.</p> <p>i. Pengurusan Baitulmal: Memungut dan menguruskan harta Baitulmal, wang sedekah amanah, pinjaman dan simpanan.</p> <p>ii. Perancangan Pembangunan: Merancang projek ekonomi dan kebajikan bagi penggunaan harta Baitulmal.</p> <p>4. Mufti</p> <p>i. Istinbat: Memberikan penjelasan hukum dan fatwa, membantu Majlis Raja-raja dan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dalam melaksanakan syariat Islam, memastikan peranan Jabatan tidak bercanggah dengan Perlembagaan</p>
<p>Strategi MAIPs</p>	<p>i. Mengambil langkah-langkah untuk membolehkan umat Islam memahami, mengikuti dan menghayati ajaran Islam seperti yang terkandung dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah.</p> <p>ii. Memaju, mendorong dan menggerakkan pembangunan ekonomi, sosial serta kebudayaan Islam.</p> <p>iii. Memperkukuh dan mempertahankan keadilan Islam.</p> <p>iv. Mengembang dan meningkatkan pelajaran, pembelajaran dan pendidikan Islam melalui rumah tangga, persekolahan dan lain-lain kegiatan yang mempunyai unsur pendidikan.</p> <p>v. Mengambil langkah yang boleh dan perlu mengikut undang-undang Islam serta berusaha untuk membolehkan penyelarasan undang-undang dan pentadbiran Islam antara negeri.</p>		
<p>Struktur Pentadbiran MAIPs</p>	<p>1. Majlis</p> <p>- Bertanggungjawab dalam membantu dan menasihati DYMM Tuanku Raja tentang perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam yang meliputi fatwa, perundangan, syariah, pendidikan, ekonomi, kebudayaan, kebajikan, baitulmal, dan hal ehwal masjid serta surau.</p> <p>2. Jabatan</p> <p>i. Pentadbiran: Bertanggungjawab menguruskan pentadbiran dan kewangan untuk memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan.</p> <p>ii. Pendidikan / Pelajaran: Mewujudkan bentuk persekolahan yang sesuai dengan masyarakat Islam hingga ke peringkat tertinggi, memberi bantuan pelajaran, membuka kelas agama dan tadika Islam serta memberikan kursus kepada guru agama.</p>		

	<p>Malaysia, mendaulkan undang-undang syariah dan memberikan khidmat perancangan, undangan, penyiataan kepada Jabatan.</p> <p>ii. Pendaftar Mahkamah-mahkamah: Pendaftaran kes jenayah dan penyediaan kes sivil, bayaran pentadbiran kes, perbicaraan, ulang bicara, perintah mahkamah, kebenaran perkahwinan, pengesahan nikah luar negeri, faraid dan perancangan kaedah-kaedah bagi melaksanakan syiar Islam.</p> <p>iii. Jawatankuasa Istinbat: Membuat dan mengkaji Fatwa Syariah, Fatwa Umum dan Fatwa Aqidah, membuat perancangan dan penyelarasan berhubung dengan syiar dan syariat Islam.</p> <p>iv. Penasihat Undang-undang: Memberikan khidmat nasihat undang-undang, menyalurkan urusan berhubung dengan perkara-perkara mempertahankan hak Majlis dan aspek-aspek perundangan Islam.</p> <p>v. Kehakiman / Mahkamah: Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah.</p>
--	--

DYMM Tuanku Raja Perlis selaku Raja Pemerintah adalah merupakan ketua agama dan penaung kepada Baitulmal MAIPs. Peranan dan fungsi Baitulmal MAIPs adalah membantu dan menasihati DYMM Raja Pemerintah dalam perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri Perlis, menggalak, mendorong dan membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat lain di Perlis selaras dengan hukum syarak, menjadi pemegang amanah tunggal harta wakaf, nazar dan amanah, menguruskan kutipan dan agihan zakat fitrah serta harta wakaf dan harta Baitulmal dan menjadi badan induk penggubalan dasar berhubung dengan pentadbiran agama Islam di Perlis.

Terdapat 15 orang ahli jawatankuasa MAIPs yang telah dilantik bagi membantu dan menasihati baginda, serta 5 jawatankuasa yang diamanahkan untuk tugas-tugas tertentu iaitu; Jawatankuasa Baitulmal, Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan, Jawatankuasa Fatwa, Jawatankuasa Khutbah dan Risalah dan Jawatankuasa Pengajaran Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. Dari segi organisasi pentadbiran pula, MAIPs diurussetiakan oleh 1 orang setiausaha yang juga merupakan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs). Bagi tugas-tugas operasi MAIPs pula, ia dikendalikan oleh Baitulmal yang terdiri daripada 1 orang pengerusi, 1 orang pengarah dan dibantu oleh 3 bahagian utama, iaitu Bahagian Zakat, Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Pembangunan Hartanah dan Wakaf.

### *MAIPs sebagai Baitulmal*

Pada era akhir 1980-an dan awal 1990-an, fungsi MAIPs lebih menonjol sebagai Baitulmal. Perkara ini ada termaktub dalam Enakmen Undang-undang Pentadbiran Uagama Islam Perlis Bil. 3 Tahun 1964, di mana MAIPs berfungsi sebagai Baitulmal dan berperanan dalam membangunkan ekonomi umat Islam menerusi kutipan zakat, wakaf, wasiat dan seumpamanya. Pada tahun 1988, Enakmen Baitulmal dan Zakat telah digubal dengan menggariskan peranan dan fungsi Baitulmal yang lebih menyeluruh. Dalam hal ini, MAIPs sebagai induk telah mengasingkan pentadbirannya daripada Baitulmal dan memberikan kuasa kepada Baitulmal untuk menjalankan tadbir urusnya secara bersendirian. Enakmen ini memperuntukkan hal ehwal pengurusan harta Baitulmal yang merangkumi zakat, fitrah, harta pusaka oleh wasi atau pentadbir, harta pusaka dan waris, kaedah faraid, kafarah serta khairat kematian (Baitulmal, 1985).

### *Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006*

Pada 14 April 2006, Pemangku Raja, DYTU Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah memperkenankan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006. Enakmen ini telah digubal dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis pada 31 Mac 2006 bagi membuat peruntukan baru tentang pentadbiran agama Islam dan adat istiadat Melayu di Perlis, penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah serta penubuhan dan fungsi Majlis Agama Islam di Perlis. Terdapat 11 Bahagian dalam enakmen ini yang meliputi Permulaan, Majlis, Perlantikan Mufti-Kuasa Jawatankuasa Fatwa, Mahkamah Syariah, Pendakwaan dan Perwakilan, Kewangan-Zakat Fitrah-Wakaf, Nazr dan Amanah, Masjid, Pungutan Khairat, Memeluk Islam, Pendidikan Agama Islam dan Am. Perkara-perkara yang berkaitan MAIPs juga diperuntukkan dalam Fasal 2, Perkara 4(1)

hingga Perkara 43. Ringkasan enakmen ini adalah seperti berikut:

**Jadual 2. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006.**

Enakmen	Seksyen	Pernyataan
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006	Seksyen 4	Penubuhan MAIPs: “Maka hendaklah ada suatu badan bernama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu”
	Seksyen 16	Setiausaha MAIPs: 1. Majlis hendaklah melantik seorang Setiausaha menjadi Setiausaha Majlis. 2. Setiausaha hendaklah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif dan Pentadbir Majlis dan hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan Majlis. 3. Tertakluk pada apa-apa arahan yang diberikan oleh Pengerusi kepadanya, Setiausaha hendaklah bertanggungjawab ke atas semua surat-menyurat dan dokumen Majlis, dan hendaklah dalam apa-apa hal lain menjalankan tugas-tugas yang dikenakan ke atasnya oleh Enakmen ini atau yang diberikan kepadanya oleh Pengerusi. 4. Setiausaha berhak menghadiri semua mesyuarat Majlis dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak berhak mengundi.
	Seksyen 11	1. Keanggotaan Majlis: - Majlis hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut: i. Pengerusi ii. Timbalan Pengerusi

		<p>iii. 3 orang anggota atas nama jawatan hendaklah terdiri daripada orang yang pada masa itu memegang jawatan yang berikut; i. Penasihat Undang-undang Negeri, ii. Setiausaha Kerajaan Negeri, iii. Mufti. iv. Tidak lebih daripada 10 anggota lain, sekurang-kurangnya 5 daripada mereka hendaklah yang arif dalam hukum syarak.</p> <p>2. Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan anggota-anggota lain yang dilantik di bawah perenggan (1)(d) hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah bagi apa-apa tempoh, tidak melebihi 3 tahun, sebagai mana yang ditentukan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah.</p> <p>3. Seseorang anggota yang tempoh jawatannya telah tamat boleh dilantik semula.</p> <p>4. Jika pada bila-bila masa orang yang memegang jawatan yang disebut dalam subperenggan (1)(c)(i) atau(ii) bukan orang Islam, Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah hendaklah melantik seorang pegawai lain yang beragama Islam yang paling kanan selepasnya dari Jabatan atau Bahagian yang sama dengan orang itu untuk menjadi anggota bagi menggantikan orang itu.</p> <p>5. Tiap-tiap orang yang, sebaik sebelum seksyen ini mula berkuat-kuas adalah Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau anggota bagi Majlis terdahulu hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini, masing-masing terus menjadi Pengerusi,</p>
--	--	--



		Timbalan Pengerusi atau anggota Majlis sehingga tempoh pelantikannya tamat.
--	--	---

**Fasa Transformasi MAIPs**

DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah mengagaskan transformasi pengurusan pentadbiran MAIPs secara menyeluruh pada tahun 2011. Baginda telah menitahkan Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri untuk mengenalpasti mekanisme terbaik ke arah transformasi secara berkesan di MAIPs (Mat Rejab, M. N., Hassan, M.S., 2019). Transformasi di MAIPs dilakukan secara berfasa dan bermula pada tahun 2011 hingga 2020. Antara transformasi yang dilakukan adalah melibatkan penambahbaikan struktur organisasi MAIPs dengan mewujudkan 3 bahagian utama iaitu:

1. Bahagian Khidmat Pengurusan dan Keurusetiaan: Bahagian ini terdiri daripada 5 unit iaitu; Unit Pentadbiran, Unit Audit Dalam, Unit Teknologi Maklumat, Unit Kewangan dan Unit Keurusetiaan.
2. Bahagian Pengurusan Zakat: Bahagian ini terdiri daripada 4 unit iaitu; Seksyen Agihan, Seksyen Kutipan, Unit Sosioekonomi dan Unit Kemajuan Islam.
3. Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal: Bahagian ini terdiri daripada Unit Wakaf dan Unit Pelaburan.

Selain itu, terdapat juga perubahan yang berlaku pada visi, misi, objektif strategik, nilai sepunya serta peranan dan fungsi MAIPs. Ringkasan perubahan tersebut digambarkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 3. Visi, Misi, Objektif Strategik, Nilai Sepunya, Peranan dan Fungsi MAIPs bermula tahun 2018**

Perkara	Pernyataan
Visi MAIPs	Peneraju pentadbiran hal ehwal Islam yang menyumbang kepada pembangunan ummah cemerlang menjelang 2020.
Misi MAIPs	Memastikan kelangsungan kesejahteraan sosio-ekonomi ummah melalui pengurusan hal ehwal Islam yang telus dan efektif berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah.
Objektif Strategik MAIPs	1. Memperkasakan keupayaan dan kapasiti organisasi bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran Islam


	<p>2. Memperkasakan agenda dakwah Islam secara syumul bagi melahirkan khaira ummah</p> <p>3. Memperkukuhkan pengurusan zakat, wakaf dan Baitulmal bagi mempertingkatkan kualiti hidup umat Islam</p> <p>4. Memantapkan pentadbiran undang-undang Islam ke arah mendaulatkan pelaksanaan syariat Islam</p> <p>5. Memantap dan mengukuhkan pengurusan kewangan dan sumber-sumber secara strategik bagi memakmurkan ummah.</p>
Nilai Sepunya	<p>1. Musyawarah                      2. Muhasabah</p> <p>3. Sensetif                            4. Akrab                            5. Ihsan                            6. Professional</p>
Peranan dan Fungsi MAIPs	<p>1. Membantu dan menasihati DYMM Raja Pemerintah dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan Agama Islam dan Adat Istitadat Melayu di negeri Perlis.</p> <p>2. Menggalak, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di negeri Perlis selaras dengan hukum syarak</p> <p>3. Menjadi pemegang amanah tunggal harta wakaf, nazar dan amanah.</p> <p>4. Menguruskan kutipan dan agihan zakat serta harta wakaf dan harta Baitulmal.</p> <p>5. Menjadi bahan induk penggubalan dasar berhubung pentadbiran Agama Islam di Negeri Perlis.</p>

**Struktur Organisasi MAIPs**

Kebanyakan negeri-negeri lain di Malaysia mengasingkan pengurusan zakat, wakaf dan sumber am. Meskipun demikian, perkara ini tidak dipraktikkan di negeri Perlis kerana MAIPs tidak menubuhkan entiti berasingan bagi melaksanakan peranan pengurusan zakat, wakaf dan sumber am. Ini sekaligus menjadikan MAIPs unik dalam mengendalikan pengurusan zakat, khidmat pengurusan dan keurusetiaan, pembangunan wakaf dan hartanah mal. Sehingga 2018, MAIPs telah melantik seramai 65 orang kakitangan yang merangkumi 3 bahagian utama bersama 9 unit

sokongan. Ketiga-tiga bahagian utama tersebut adalah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Keurusetiaan, Bahagian Pengurusan Zakat dan Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal. Berikut adalah penambahbaikan yang dilakukan pada struktur organisasi MAIPs bermula tahun 2018 hingga 2020:

Gambar Rajah 2. Pelan Hala Tuju MAIPs



Gambar Rajah 1. Carta Organisasi MAIPs

Transformasi Wakaf oleh MAIPs

MAIPs sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di negeri Perlis telah mengambil pelbagai inisiatif seperti menjalin kerjasama strategik dengan agensi persekutuan dan kepakaran luar dalam mengoptimumkan wakaf secara kolektif. Pada tahun 2012, DYTm Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Yang Dipertua MAIPs telah melancarkan Skim Wakaf Tunai MAIPs dan beberapa projek mercu tanda MAIPs. Antara projek-projek wakaf yang menjadi mercu tanda kejayaan MAIPs adalah pembinaan Dewan Kuliyyah MAIPs Behor Temak, Centre of Sunnah Arau dan Pusat Pengurusan Jenazah Darul Abrar, Kubang Gajah. MAIPs juga berkolaborasi dengan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) untuk mengutip wakaf tunai khas bagi pembinaan Pusat Perkhidmatan Hemodialisis Hospital Tuanku Fauziah (HTF) (Mohd Noor. M. N & Hassan, H., 2018).

Pelan Hala Tuju MAIPs

Pada tahun 2015, MAIPs telah membangunkan Pelan Hala Tuju MAIPs yang menggambarkan perancangan MAIPs selama 5 tahun akan datang, iaitu dari tahun 2015 hingga 2020. Pihak pengurusan telah membincangkan hala tuju MAIPs dalam menetapkan transformasi mengikut 5 fasa yang berikut:

Ikon Wakaf Perlis: Masjid Al-Hussain, Kuala Perlis

Masjid Al-Hussain, Kuala Perlis merupakan masjid terapung yang mempunyai menara puncak berkembar heksagon yang pertama di dunia. Menara setinggi 7.1 meter ini adalah tanda simbolik pasangan manusia pertama yang diciptakan di dunia, iaitu Nabi Adam a.s dan isterinya Hawa. Ia terletak di muara Sungai Perlis, berharga kira-kira RM12 juta dan boleh menampung sehingga 1000 jemaah dalam satu masa. Menariknya, masjid ini merupakan hasil wakaf seorang ahli perniagaan, Tan Sri Mohd. Ariffin bin Yusoff. Masjid yang berkonsepkan modern tropical resort ini telah dinamakan sempena dengan nama abang beliau, iaitu Datuk Dr. Mohd. Hussain dan telah dirasmikan oleh DYMM Tunaku Syed Sirajuddin Jamalullail pada 8

Oktober 2011. Konsep modern tropical resort ini boleh dilihat jelas melalui bahan binaan masjid yang menggunakan unsur-unsur alam semula jadi seperti batu karang (coral), serpihan batu kuartza, batu granit, batu marmar dan pebel yang berkualiti tinggi.

### *Projek Kelestarian MAIPs*

#### *1. Taman Desa Asnaf*

Projek Taman Desa Asnaf MAIPs adalah antara hasil kerjasama strategik antara MAIPs dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Ia telah dibina pada tahun 2012 dengan memakan belanja mencecah RM10 juta dan meliputi pembinaan 50 unit rumah 3 bilik bagi penempatan golongan asnaf yang terpilih. Tempoh kontrak penempatan asnaf adalah selama 5 tahun. Projek penempatan ini memberi peluang kepada asnaf untuk melibatkan diri dalam projek agroekonomi yang disediakan oleh MAIPs iaitu projek tembikai wangi di bawah pengurusan Syarikat IRIS Agrotech Sdn. Bhd. Sehingga tahun 2018 sahaja, Ladang Agro Taman Desa Asnaf telah menghasilkan kira-kira 2 tan buah tembikai wangi setiap minggu, yang kemudiannya dijual oleh asnaf sendiri kepada orang ramai dan FAMA.

#### *2. Pusat Pengurusan Jenazah Darul Abrar MAIPs*

Pusat Pengurusan Jenazah Darul Abrar yang berlokasi di Kubang Gajah, Arau merupakan sebuah masjid lama yang didirikan di atas tanah wakaf. MAIPs telah membaik pulih masjid lama ini dan kemudiannya dijadikan pusat pengurusan jenazah bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk menguruskan jenazah. Kos pengurusan jenazah di sini adalah murah kerana hanya bayaran minimum yang dikenakan bagi kos pembelian kain kapan dan pengangkutan.

#### *3. Bazar dan Kompleks Wakaf Rakyat MAIPs*

Projek Bazar dan Kompleks Wakaf Rakyat MAIPs telah dibangunkan melalui peruntukan oleh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan dirasmikan oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail pada 25 Februari 2011. Projek ini dijangka dapat memberikan keuntungan kepada anak-anak kariah melalui aktiviti perniagaan dan kemasyarakatan, selain hasil sewa bazar dan kompleks tersebut digunakan untuk pelbagai aktiviti-aktiviti yang bermanfaat untuk anak-anak kariah. Projek ini terdiri daripada 27 unit ruang niaga yang dibina di beberapa lokasi sekitar masjid di Perlis, iaitu; Masjid Al-Barakah di Jelempek, Masjid Muhammadiyah di Jejawi Sungai Adam, Masjid Tun

Abdul Razak di Repoh, Masjid Al-Arifin di Padang Katong, Masjid Amir Fawwaz di Sungai Baru dan Masjid Putra di Simpang Empat.

#### *4. Pusat Penghasilan Keropok Lekor MAIPs*

Projek ini adalah usahasama dan kerjasama strategik MAIPs dengan Kolej Komuniti Arau, Perlis dan telah dirasmikan oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail pada 31 Mei 2016. Projek ini sangat bertepatan dengan hasrat MAIPs untuk melahirkan usahawan kecil asnaf yang berkemahiran dan berdaya saing. Melalui projek ini, asnaf diberikan pendedahan tentang asas pemprosesan keropok lekor bermutu dan cara mengendalikan peralatan asas iaitu mesin pengasing isi ikan, mesin pengadun dan mesin pembungkusan vakum serta strategi pemasaran produk keropok lekor.

#### *5. Pusat Perkhidmatan Hemodialisis MAIPs*

Pusat Perkhidmatan Hemodialisis MAIPs ini merupakan sebahagian daripada projek wakaf MAIPs. Pusat ini dinamakan sebagai Perkhidmatan Hemodialisis Hospital Tuanku Fauziah (HTF), bertempat di Kangar dan dibina di atas tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dalam kawasan HTF (berhampiran Wad Diraja). Sasaran penerima manfaat wakaf pula terdiri daripada golongan asnaf dan masyarakat bukan Islam yang kurang berkemampuan untuk menjalani rawatan hemodialisis. Bangunan ini mempunyai dua tingkat dengan keluasan 1721 meter persegi dan memakan kos sehingga mencecah RM5 juta. Pusat ini dijangka dapat memuatkan 66 buah katil pesakit dan bakal menjadi pusat hemodialisis terbesar di Perlis. Ia dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019.

#### *Pengiktirafan dan Penarafan Hasil Transformasi di MAIPs*

Hasil transformasi tadbir urus yang diamalkan, MAIPs telah memperolehi beberapa pengiktirafan dan penarafan di peringkat kebangsaan dan global. Antara pengiktirafan dan penarafan tersebut adalah (Mat Rejab, M. N., Hassan, M.S., 2019) :

##### *1. Anugerah SAGA*

MAIPs merupakan Majlis Agama Islam Negeri dan agensi pengurusan zakat yang pertama menerima Anugerah SAGA. SAGA merupakan penarafan Standard Accounting System for Government Agencies di Malaysia.

## 2. Sijil Audit Bersih Tanpa Teguran oleh Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM)

Pada tahun 2015, MAIPs menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti. MAIPs juga telah menerima Sijil Tanpa teguran sebagai suatu bentuk pengiktirafan terhadap kecemerlangan dalam penyediaan penyata kewangan mengikut piawaian yang ditetapkan, pengamalan secara konsisten, seragam selain mendapat pendedahan yang mencukupi.

## 3. Sijil MyGAP

Sijil MyGAP ialah Sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia. Pada tahun 2017, MAIPs menerima sijil ini melalui projek Ladang Agro Taman Desa Asnaf. Ladang ini diusahakan oleh Syarikat IRIS Agrotech Sdn. Bhd. dan terletak di Batu Bertangkup, Chuping, Perlis. Antara kriteria-kriteria yang melayakkan penerimaan sijil ini adalah penghasilan produk pertanian berkualiti, selamat dimakan dan mengurangkan pencemaran alam sekitar. Sehingga tahun 2018, ladang ini telah menghasilkan kira-kira 2 tan buah tembikai wangi setiap minggu. Penganugerahan sijil ini memudahkan hasil yang dituai dieksport ke luar negara. Selain itu, hasil buah tembikai wangi ini juga telah berjaya menembusi pasaran ke hotel bertaraf lima bintang.

## 4. Malaysian Book of Record

Malaysian Book of Record merupakan antara pengiktirafan yang berjaya diperolehi oleh MAIPs di peringkat global. Pengiktirafan ini dianugerahkan kepada MAIPs berdasarkan Rekod Kayuhan Terbanyak Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility), iaitu sebanyak 106 kali kayuhan pada tahun 2015.

Setelah satu abad tertubuhnya MAIPs, MAIPs merancang untuk memiliki bangunannya sendiri yang diberi nama Kompleks Darul Hikmah. Ia dijadual akan siap dibina sepenuhnya menjelang tahun 2020. Kompleks Darul Hikmah ini akan menjadi salah satu mercu tanda transformasi bagi pentadbiran agama Islam di negeri Perlis.

## Kesimpulan

Wakaf merupakan antara amalan yang sangat dituntut di dalam Islam. Justeru, pengurusan dan pentadbiran wakaf seharusnya dilaksanakan selaras dengan hukum syarak, perundangan dan keperluan semasa. Dalam

konteks Malaysia, tadbir urus wakaf berada di bawah kuasa MAIN dan ini termasuklah negeri Perlis. MAIPs berperanan sebagai pemegang amanah tunggal dalam menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan wakaf di Perlis. Oleh yang demikian, MAIPs bertanggungjawab menguruskan pentadbiran harta wakaf dengan baik agar pengurusan dan perjalanan pentadbiran wakaf berajalan dengan sempurna. Transformasi tadbir urus yang diamalkan oleh MAIPs merupakan tunjang kepada kejayaan pembangunan wakaf di negeri Perlis. Realitinya, wakaf perlu dibangunkan, dikembangkan dan diurus tadbir dengan baik agar hasilnya dapat direalisasikan dalam pembangunan sosio ekonomi ummah.

## Rujukan

- Al-Qur'an al-Karim.  
Al-Ansari, J. M. (t.t). Lisan al-Arab. Mesir: Dar al-Masriyah.  
Abu Zahrah, M. (1971). Muahadat fi al-Waqf. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.  
Ahmi, A., Mohd Nasir, M. H. & Mohd Sharif, M. H. (2005). E-Wakaf: Ke arah Pengurusan Wakaf yang Lebih Sistemik. Kertas kerja Seminar Kebangsaan E-Komuniti 2005, Universiti Kebangsaan Malaysia: 6-7 Disember.  
Baitulmal. (1985). Panduan Mengeluar Zakat. Perlis: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.  
Ibn Abidin, M.A. (1966). Hashiah Radd al-Mukhtar. Juz 4. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.  
Jabatan Hal Ehwal Islam Perlis (JAIPs). (1932). AM. 1/178. Peraturan Mengutip Zakat dan Fitrah Perlis Tahun 1932. Kangar: Jabatan Agama Islam Perlis.  
Jabatan Hal Ehwal Islam Perlis (JAIPs). (1963). Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis Tahun 1963. Kangar: Jabatan Agama Islam Perlis.  
Jabatan Hal Ehwal Islam Perlis (JAIPs). (1949). Undang-undang Pentadbiran Majlis Ugama Islam Tahun 1949. Kangar: Jabatan Agama Islam Perlis.  
Kerajaan Negeri Perlis. (1948). Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948. Kangar: Perlis.  
Al-Khin, M., Al-Bugha, M., & al-Syarbaji, A. (2003). Kitab Fikah Mazhab Syafie. Terj. Solehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.  
Majlis Agama Perlis 810. (t.t). Laporan Sejarah Majlis Ugama Islam Perlis.  
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. (1994). Panduan Mengeluarkan Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis

- (Baitulmal). Kangar: Perlis.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. (2006). Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006. Kangar: Perlis.
- Mat Rejab, M. N., Hassan, M.S. (2019). Temubual bersama Pegawai MAIPs. 20 Januari, 9.30 pagi di Pejabat MAIPs, Kangar, Perlis.
- Md Nor, S.Z. (2008). Pengurusan Wakaf Negeri-negeri di Malaysia. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Mohd Noor, M. N & Hassan, H. (2018). Sirajul Muluk Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) di Bawah Naungan Tiga Putera Jamalullail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qurtubi, Y.A. (1980). Kitab al-Kafi fi Ahl al-Madinah al-Maliki. Juz 2. Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah.
- Sayin, B., Ali, A. & Suyurno, S. S. (2006). Pengenalan kepada Konsep Wakaf dalam Islam. Shah Alam: Penerbit Press Universiti Teknologi MARA.
- Al-Sharbini, M. A. (1933). Mughni al-Muhtaj. Juz 2. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Syed Sirajuddin Putral Jamalullail. (2001). Kangar: Kerajaan Negeri Perlis.
- Al-Zuhayli, W. (2009). Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu. Dimasyq: Dar Al-Fikr.
- MAIPs. [www.maips.gov.my](http://www.maips.gov.my) [Diakses pada 10 Jun 2019].